

Banjir kembali pulih

RANTAU PANJANG – Keadaan banjir di Pasir Puteh hampir pulih apabila hanya dua pusat penempatan dibuka melibatkan 73 mangsa dari 19 keluarga yang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Bukit Awang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Kamil.

Setakat jam 7 malam, hanya Sungai Golok di Rantau Panjang mencatatkan paras bahaya (9.89 meter) manakala tiada jalan yang ditutup walaupun hujan masih melanda negeri ini.

Sementara itu, sebanyak 11 sekolah di dua daerah iaitu sembilan di Pasir Mas dan dua di Gua Musang diarahkan tutup seterusnya tidak dapat memulakan sesi baru persekolahan tahun 2012, berikutan terputus hubungan serta kawasan sekolah ditenggelami air.

Berikutan itu, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) terpaksa menutup sesi persekolahan baru 2012 yang bermula hari ini, bagi menjaga keselamatan pelajar sekolah

terlibat.

Dua sekolah di Gua Musang iaitu Sekolah Kebangsaan Balar dan Sekolah Kebangsaan Bihai terpaksa ditutup kerana terputus hubungan sementara sekolah lain ditutup kerana tenggelami air serta jalan menghubungkan sekolah dengan jalan utama dinaiki air.

Di **TERENGGANU**, jumlah mangsa banjir di daerah Besut dan Setiu yang masih berada di pusat pemindahan berkurangan kepada 151 orang petang semalam, berbanding 568 orang pagi semalam.

Menurut portal banjir Kerajaan Negeri, sehingga 5 petang ini hanya enam pusat pemindahan masih beroperasi iaitu masing-masing tiga di Besut dan Setiu.

Di Besut, mangsa banjir yang masih berada di pusat pemindahan ialah seramai 17 orang di balai serbaguna Kampung Kubur, surau Kayu Kelat (dua orang) dan Sekolah Bukit Tempurung (empat orang).

Di Setiu, terdapat 16 orang masih berada di pusat pemindahan di dewan sivik Desa Jaya, Masjid Gunting Luar (73 orang) dan Sekolah Kampung Besut (39 orang).

Paras air di kebanyakan sungai utama di negeri ini berada pada paras normal.

Di **JOHOR**, mangsa banjir di Segamat kekal seramai 60 mangsa di tiga pusat pemindahan sepertimana pagi tadi.

Menurut portal Majlis Keselamatan Negara, kesemua mangsa membabitkan 10 keluarga ditempatkan di pusat pemindahan di Kampung Spangloi, Kampung Batu Badak dan Kampung Pogoh.

Sementara itu, portal Jabatan Pengairan dan Saliran melaporkan Sungai Muar di Buloh Kasap, Segamat dan Sungai Bekok di Empangan Bekok, Batu Pahat masih melebihi paras amaran di 8.78 meter dan 16.99 meter.

Penduduk di kawasan berkenaan diminta berjaga-jaga. - Bernama